



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	9/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	TNB			

### TNB rangkul anugerah CIO Circle of Excellence 2021

**PETALING JAYA:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) mencatatkan pencapaian membanggakan apabila Ketua Pegawai Maklumatnya, Datuk Fazil Ibrahim merangkul anugerah CIO Circle of Excellence Award Asia 2021 dalam kategori Perak, baru-baru ini.

Anugerah yang dianjurkan oleh CNBC, CISCO dan Moneycontrol adalah platform untuk mengiktiraf dan meraikan Ketua Pegawai Maklumat berkecemerlangan dari negara-negara ASEAN, China, Korea, Jepun, India, Australia-New Zealand (ANZ) dan Pertubuhan Kerjasama Serantau Asia Selatan (SAARC) yang berjaya memacu syarikat mereka ke arah perniagaan berdaya tahan menerusi transformasi digital.



**UM, 9 Ogos 2021\_30**  
**Kami mampu bertindak pantas dengan memberi sokongan untuk bekerja dari rumah kepada hampir 35,000 warga kerja TNB...."**

**FAZIL IBRAHIM**

Menurut Fazil, kejayaan tersebut bertepatan dengan usaha berterusan TNB ke arah pendigitalan bagi menyediakan

infrastruktur dan keupayaan teknologi yang kukuh.

"Kami mampu bertindak pantas dengan memberi sokongan untuk bekerja dari rumah

kepada hampir 35,000 warga kerja TNB di seluruh negara sejak awal lagi sebelum pandemik bermula," katanya dalam kenyataannya.

Kejayaan TNB melaksanakan projek Webex Unified Communication dan Dual Sim Router adalah contoh terbaik terhadap keupayaan bertaraf dunia dan kecemerlangan teknologi yang dimiliki syarikat utiliti itu, selaras dengan aspirasinya untuk menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa.

Menerusi projek Webex Unified Communication, TNB berjaya mengurangkan kesan terhadap operasi dan produktiviti perniagaannya ketika pandemik melanda dengan memenuhi

keperluan warga kerjanya untuk menganjurkan sesi mesyuarat, perjumpaan dialog awam, bengkel mahupun latihan.

Tambah beliau, projek Dual Sim Router pula adalah satu kerjasama dengan divisyen Rangkaian Pembahagian dan juga ICT TNB yang memberi nilai tambah kepada TNB bagi mempercepatkan tempoh pemulihan bekalan kepada 9.4 juta pelanggannya menerusi penambahbaikan ketersediaan dan kependaman rangkaian.

"Hasilnya, projek Dual Sim Router telah berjaya membantu TNB mencapai prestasi Indeks Tempoh Masa Purata Gangguan Sistem atau SAIDI bertaraf dunia iaitu 44.95 minit pada Tahun Kewangan 2020," ujarnya.

